



TEKS  
KHUTBAH  
NEGERI PAHANG  
JANUARI 2026

# KEMBALI KE SEKOLAH

## 9 JANUARI 2026 | 19 REJAB 1447H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللّٰهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Taala di dunia dan akhirat.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Agama Islam sangat menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu dan beramal dengannya. Allah Taala memuji dan memberi penghormatan kepada orang yang berilmu sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Mujadilah ayat 11:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ<sup>ط</sup>

وَإِذَا قِيلَ ائْشُرُوا فَاَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ<sup>ج</sup>

وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

**Yang bermaksud:** “Wahai orang yang beriman! apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah maha mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”

Begitu juga sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis riwayat Ibnu Majah:

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

**Yang bermaksud:** *"Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap orang Islam."*

Sesi persekolahan tahun ini akan bermula tidak lama lagi. Para pelajar di semua peringkat sedang membuat persediaan bagi menghadapi cabaran untuk meneruskan perjuangan menuntut ilmu. Oleh itu, menjadi satu kewajipan ke atas setiap ibu bapa dan penjaga mengambil berat terhadap pendidikan anak-anak. Ingatlah, anak-anak adalah benteng utama bagi masa hadapan umat Islam. Kita mengimpikan mereka membesar dalam keadaan sebagai seorang yang beriman, beramal soleh dan menjauhkan segala perbuatan mungkar serta sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu wa Taala .

Matlamat ini hanya mampu dicapai melalui pendidikan yang berteraskan iman dan akhlak, bukan semata-mata untuk memperolehi ilmu sahaja. Marilah kita melihat bagaimana Nabi ﷺ amat mengambil berat dalam mendidik dan mengasuh anak-anak agar sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu wa Taala . Baginda ﷺ mendidik anak tirinya iaitu Umar bin Abu Salamah adab ketika makan, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim,

يَا غُلَامُ سَمِّ اللَّهَ وَكُلْ بِيَمِينِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ

**Yang bermaksud:** *"Wahai anak, bacalah Bismillah, makan dengan tangan kanan dan ambillah makan yang paling dekat dengan mu."*

Begitulah sebahagian gambaran kehidupan Rasulullah ﷺ yang amat mengutamakan pendidikan kepada kaum keluarganya.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati**

Setiap ibubapa perlu menyedari bahawa pendidikan bukan semata-mata mengharapkan kepada pihak sekolah dan guru sahaja. Peranan keluarga terutamanya ibubapa adalah amat penting dalam membesarkan mereka dengan kasih sayang. Contoh ini boleh kita hayati dalam kisah seorang Badwi yang tidak pernah mencium anaknya, dia kehairanan apabila melihat Rasulullah ﷺ mencium cucunya, lalu Baginda ﷺ bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

*“Sesungguhnya orang yang tidak mengasihi orang lain dia tidak akan dikasihi.”*

Ingatlah, bahawa pendidikan anak-anak berkait rapat dengan unsur pembentukkan peribadi yang bersopan santun, kemesraan dan kasih sayang sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ dalam hadis yang diriwayatkan Imam Muslim:

إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرِّفْقَ وَيُعْطِي عَلَى الرِّفْقِ مَا لَا يُعْطِي عَلَى الْعُنْفِ

**Yang bermaksud:** *“Sesungguhnya Allah Taala bersifat Maha lemah-lembut, suka kepada lemah lembut dan Allah Taala akan mengurniakan (kebaikan) kerana sifat lemah lembut dan tidak mengurniakannya kepada orang yang melakukan kekerasan.”*

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala

Marilah kita semua sebagai ibu bapa dan penjaga mengambil berat kepada pendidikan anak-anak kerana ia adalah pelaburan untuk masa hadapan mereka di dunia dan akhirat. Oleh itu, jangan kedekut untuk mengeluarkan harta benda dan wang ringgit untuk pendidikan mereka. Utamakan perbelanjaan pendidikan melebihi perbelanjaan yang lain. Ingatlah bahawa anak-anak yang menuntut ilmu adalah seperti orang yang berjihad di jalan Allah ﷻ sebagaimana hadis Nabi ﷺ riwayat Imam Tirmizi:

مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ حَتَّى يَرْجِعَ

**Yang bermaksud:** “Barangsiapa yang keluar untuk menuntut ilmu, maka dia adalah orang yang berjihad fi sabilillah sehingga dia pulang.”

Oleh itu, sesiapa yang berkemampuan digalakkan menghulurkan bantuan kepada penuntut ilmu lebih-lebih lagi untuk kaum kerabat dan rakan taulan yang kurang berkemampuan khususnya menjelang sesi persekolahan yang baru. Semoga bantuan yang kita beri akan menjadi pahala jariah.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala

Mengakhiri khutbah ini mimbar sekali lagi ingin mengingatkan kepada semua ibu bapa dan penjaga mengenai kemuliaan penuntut ilmu serta kelebihan mengambil berat kepada pendidikan anak-anak. Berilah kasih sayang dengan mendidik mereka dengan akhlak yang mulia.

Ingatlah wang ringgit yang dibelanjakan untuk pendidikan mendapat pahala yang besar di sisi Allah Subhanahu wa Taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ

إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ

مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ

السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.